

Sikap curang menurun daripada keturunan?

MENURUT satu tinjauan Universiti Pennsylvania, Amerika Syarikat, sebanyak 71 peratus responden wanita bersikap curang dengan suaminya memiliki seorang ibu yang juga pernah melakukan hal serupa pada masa lalu.

Penyelidik juga mendapati kira-kira 45 peratus responden lelaki yang mempunyai hubungan sulit disebabkan bapa mereka pernah selingkuh dengan wanita lain.

Dalam satu kajian yang dilaksanakan State University of New York Binghamton, New York pula mendedahkan, kecenderungan untuk menipu (tentang hubungan) juga dipengaruhi oleh kepelbagaian gen dalam rantai asid deoksiribonukleik (DNA) tubuh badan seseorang.

Menurut penyelidikan itu, individu yang mempunyai variet tertentu seperti *polymorisme reseptor D4* (gen D4) lebih berkemungkinan mengkhianati pasangan sah mereka.

Golongan berkenaan dikatakan secara semula jadi memerlukan rangsangan yang lebih besar untuk mencapai kepuasan.

Sebagai contoh, bagi sesetengah orang, cukup sekali untuk mereka menaiki *roller coaster*, namun mereka dengan gen DRD4 akan meminta pengalaman bagi menguji had dan limitasi diri masing-masing.

Buktinya, sebanyak 50 peratus peserta yang mempunyai genetik itu mengaku pernah menjalinkan hubungan sulit sekurang-kurangnya sekali dalam hidup mereka.

Menariknya, mutasi gen DRD4 diwarisi daripada ibu bapa. Untuk pemahaman mudah, seperti penyakit keturunan, jika ibu bapa mempunyai 'gen curang', anak-anak lain boleh 'mewarisinya'.

Menghadam dua kajian tersebut memberi dua kesimpulan. Secara diplomasi, fakta tersebut ada kebenarannya, namun mungkin ia berlaku secara kebetulan sahaja.

Namun, secara realistiknya sikap curang atau khianat lahir daripada individu itu sendiri. Tiada siapa yang mengalar dan tidak adil untuk membangkitkan isu genetik.

Sebagai seorang Muslim, jangan diketuk pintu kecurangan. Islam sangat melarang perbuatan tersebut dalam bentuk apa pun. Peringatan indah itu jelas terdandung dalam surah at-Muthaffifin.

Penipuan boleh diatasi sekiranya nilai-nilai tauhid dan akidah tertanam kukuh dalam jiwa kita. Kesedaran untuk sentiasa diperhatikan oleh ALLAH juga akan membuatkan kita tidak berani melakukan perbuatan buruk itu.

Elak eksploitasi tenaga kerja pelatih industri



ANALISIS
MUKA 16
MOHAMAD AMREEL
IMAM ABD MALEK

Isu elau untuk mahasiswa yang menjalani latihan industri di syarikat swasta atau agensi kerajaan hangat diperkatakan. Malah, ia turut mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini yang menggesa syarikat menawarkan latihan industri membekalkan elau munasabah kepada kumpulan berkenaan.

Anwar berkata, walaupun perkara itu bukan paksaan, namun majikan perlu mempertimbangkan bayaran munasabah. Sekurang-kurangnya elau yang diberikan dapat menampung perbelanjaan seharian dan kos perjalanan pelatih industri.

Isu elau tersebut bukanlah perkara baharu. Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Abdul Rahman pada 7 Jun lalu pernah membangkitkan isu yang sama. Beliau mencadangkan agar kerajaan mengubal Akta Latihan Amali Berbayar.

"Kita boleh buat dua perkara sama ada kita pinda akta pekerjaan ataupun kita adakan akta baharu yang mewajibkan perkara ini," kata Syed Saddiq.

Tidak dapat dinafikan ada segelintir pelatih yang diterima menjalan latihan industri berdepan 'pengalaman pahit' mendakwa menjadi 'buruh percuma' kepada syarikat. Ada yang dikerah untuk bekerja lebih 12 jam. Sudahlah pentat bekerja, tidak pula diberikan sebarang elau sama ada upah atau komisen.

Penulis masih ingat ada rakan yang menjalani latihan industri se-

bagai seorang guru di sebuah sekolah. Meskipun dia hanya seorang pelatih industri, namun tugas yang diberikan sangat banyak sehingga menyamai atau melampaui kerja yang dilakukan oleh guru lain.

Antaranya, termasuk merangka soalan peperiksaan pelajar dan menjadi juruatih bagi acara ilmiah di sekolah serta terlibat dengan pelbagai lagi acara lain. Beban tugas yang diberikan kepadanya tidak diberikan sebarang imbuhan walaupun sedikit. Bagaimanapun, pentat leharnya mungkin kembali kerana selepas tamat menjalani latihan, dia diserap sebagai guru tetap di sekolah tersebut.

Bagaimana pula dengan nasib pelatih industri yang lain terutama dalam kalangan mereka yang terbelanja menjalani latihan di bandar-bandar besar seperti kawasan Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor Bahru?

Bercerita soal kehidupan di kota, pasti tidak akan terlepas daripada memikirkan mengenai kos dan perbelanjaan yang senamun memenak. Hakikatnya pada hari ini, bukan semua mahasiswa datang daripada keluarga berkemampuan untuk kos tambahan bagi menyewa rumah atau bilik, ditambah dengan kos perjalanan dan makan minum yang berbeza berbanding dengan kehidupan sebagai mahasiswa di kampus.

Bayangkan, ada terpaksa berkongsi sewa rumah atau bilik dengan kos yang bukan murah. Lebih membebankan jika jarak rumah sewa ke tempat kerja pula jauh bukan kepalang. Sekali lagi sudah tentu perlu ketepikan sejumlah wang untuk minyak dan tol atau jika naik pengangkutan awam, kena fikirkan tambang pergi dan balik.

Memang pening kepala memikirkan pelbagai kos yang harus ditanggung. Tak hairanlah mungkin ada tulang rusuk dan batang pingang. Sambil meninggalkan orang lain untuk melapah lembunya, dia berkata, itu haknya yang perlu dipenuhi.

Cerita lain pula, kumpulan grup WhatsApp dipenuhi dengan kata-kata caci maki seorang lelaki yang tidak puas hati nama isterinya tidak diletakkan di bawah lembu sama.

"Awak datar lambat. Akuriah sahaja lah dengan ketentuan dan rezeki ALLAH." Demikian reaksi sopan jawatankuasa menguruskan program korban tersebut.

yang 'ikat perut' terutama bagi mereka kurang berkemampuan.

Jadi, apa salahnya jika majikan dan syarikat mempertimbangkan pemberian elau atau komisen buat pelatih industri. Walaupun tak banyak, ia pastinya dapat meringankan beban, sekurang-kurangnya duit poket untuk makan.

Pemberian elau yang berpatutan juga dapat membantu meningkatkan semangat pelatih industri untuk membekalkan perkhidmatan terbaik.

Namun, ada juga segelintir pihak yang mengearan pelatih industri usaha mengharapakan elau. Kata mereka, berpeluang menuntut ilmu dan pengalaman berkaitan bidang pekerjaan di organisasi adalah lebih utama.

Ya, ada benarnya tetapi, biarlah seiring dengan keadaan semasa. Hari ni wang juga perlu diambil kita untuk menuruskkan kelangsungan hidup dalam keadaan ekonomi serba mencabar.

Namun, untuk menuding jari kepada pihak majikan juga adalah tidak adil. Pilihan di tangan majikan sama ada mahu menerima pelatih industri menjalani praktikal di syarikat mereka atau sebaliknya. Namun, mengambill kira kesan tekanan kos semasa, mungkin majikan boleh mempertimbangkan sedikit elau.

Apa pun, isu elau pelatih industri wajar diperhalusi dengan lebih teliti dan mendalam. Penyelesaiannya biarlah membawa kepada situasi 'menang-menang' antara dua pihak iaitu pelatih dan majikan.

Isu ini tidaklah rumit, yang penting jangan ada pihak cuba mengambill kesempatan ke atas pelatih industri ini yang bakal mengisi kepinginan negara dan mengetuai syarikat-syarikat suatu hari kelak.

*Mohamad Amreel Imam Abd Malek ialah wartawan Sinar Harian



Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALAMAN

KHAMIS ini umat Islam akan merayakan Hari Raya Aidiladha. Ramai antara kita barangkali telah memasang niat untuk melakukan ibadah korban.

Bercakap tentang ibadah korban, Merak Jalanan nak kongsi pengalaman yang boleh dijadikan iktibar kepada kita semua. Seperti semua orang tahu, seekor lembu dibagikan kepada tujuh bahagian untuk sebuah keluarga atau individu.

Pembahagian daging pula adalah satu pertiga untuk dimakan oleh pihak melarikan korban, disedekahkan kepada fakir

dan miskin (satu pertiga) dan dihadiahkan kepada sahabat termasuk orang kaya atau jiran-jiran (satu pertiga).

Cara paling arif adalah menyumbang keseluruhan daging korban. Ambil sedikit sahaja, sekadar nak dapatkan berkat. Namun, sudah resmi manusia selalu Sepanjang melaksanakan tuntutan sunat muakkad itu, bermacam perantaraan yang Merak Jalanan lihat.

Pernah sekali seorang individu memberi arahan kepada 'orang surau' untuk memberinya bahagian 'paling mahal' iaitu

Ibadah korban bersihkan jiwa, bukan bergaduh kerana seekor lembu

Selepas seminggu isu itu bertalu, akhirnya tampil seorang warga emas yang berhalah dan beri ruang kepada lelaki tersebut.

Hal kecil yang diperbesarkan memang menyesakkan dada, namun memberi keinsafan kepada Merak Jalanan.

Bukankah ibadah korban sepatutnya mendidik kita menjadi insan yang ikhlas dan platform untuk membersihkan jiwa? Ingatan kebalikan yang dilakukan bukan kerana ingin diperhatikan oleh manusia tetapi kerana ALLAH SWT.